



HAJI TASSIM BIN HAJI ABU BAKAR &
SITI SALWANA SYARFA' BINTI HAJI DAHLAN

Pelaksanaan Negara Zikir dalam Sistem Media di Brunei Darussalam

RESUME: Konsep Negara Zikir merupakan dasar yang diimplementasikan di Negara Brunei Darussalam. Negara Zikir merupakan satu konsep atau dasar baru, seperti yang diperkenalkan sejak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan pada tahun 2007. Ciri-ciri Negara Zikir ini bersamaan dengan ciri-ciri Islam yang telah dipraktikkan di Negara Brunei Darussalam, terutamanya diambil dari ciri Islam yang terkandung dalam falsafah negara, iaitu MIB (Melayu Islam Beraja). Pendekatan analisis dokumen kualitatif terhadap akta dan garis panduan, yang berkaitan dengan media di Negara Brunei Darussalam, dianalisis bersama dengan ciri-ciri Negara Zikir bagi melihat pelaksanaan Negara Zikir dalam dokumen-dokumen yang dianalisis. Dapatan menunjukkan bahawa Brunei Darussalam adalah negara yang sangat menitikberatkan dan mendaulatkan agama Islam, jadi apa yang diamalkan atau dipraktikkan oleh media di Brunei Darussalam ini sangat terarah kepada ke-Islam-an, di samping membantu masyarakat untuk menghormati sistem monarki negara dan menanamkan sifat patriotisme.

KATA KUNCI: Dasar Negara Zikir; Pelaksanaannya; Media di Brunei Darussalam.

ABSTRACT: "Implementation of the Nation-State of Zikir in the Media System in Brunei Darussalam". The concept of Nation-State of Zikir is a policy implemented in Brunei Darussalam. The Nation-State of Zikir is a new concept or policy, as introduced since His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam decreed in 2007. The characteristics of the Nation-State of Zikir are equivalent to the characteristics of Islam that has been practiced in Brunei Darussalam, mainly taken from the characteristics of Islam contained in the national philosophy, which is MIB (Malay Islamic Monarchy). A qualitative document analysis approach to acts and guidelines, related to the media in Brunei Darussalam, was analyzed together with the characteristics of the Nation-State of Zikir to see the implementation of the State of Zikir in the documents analyzed. The results show that Brunei Darussalam is a nation-state that places great importance and sovereignty on the Islamic religion, so that what is practiced by the media in Brunei Darussalam is very oriented towards Islam, in addition to helping the community to respect the state's monarchical system and instill the character patriotism.

KEY WORD: Zikir National Policy; Implementation; Media in Brunei Darussalam.

Mengenai Penulis: Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar ialah Pengarah dan Penolong Kanan Profesor APB UBD (Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam) di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Siti Salwana Syarfa' binti Haji Dahlan ialah Pelajar Ph.D. secara Penyelidikan di APB UBD, Negara Brunei Darussalam. Alamat emel: tassim.bakar@ubd.edu.bn

Cara Mengutip: Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu & Siti Salwana Syarfa' binti Haji Dahlan. (2022). "Pelaksanaan Negara Zikir dalam Sistem Media di Brunei Darussalam" dalam *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Volume 15(2), November, hlm.25-48. Bandung, Jawa Barat, Indonesia: Minda Masagi Suci dan ASPENSI (Asosiasi Sejarahwan dan Pendidik Sejarah Internasional), ISSN 1979-0112 (print) dan ISSN 2622-6855 (online).

Riwayat Artikel: Diterima (19 September 2022); Direvisi (20 Oktober 2022); Diterbitkan (30 November 2022).

PENGENALAN

Konsep Negara Zikir merupakan dasar yang diimplementasikan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2007. Media memainkan peranan yang penting dalam “memindahkan” ilmu serta gagasan dasar ini kepada rakyat khususnya, kerana media mempunyai kuasa mempengaruhi khalayak, terutama sekali menerusi medium media televisyen (Wok, Ismail & Hussain, 2005).

Demi mencapai hasrat untuk menuju Negara Zikir, setiap lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam perlu tahu mengenainya. Oleh itu, media memainkan peranan untuk memaklumkan serta mewart-warkan dasar kepada rakyat, sama ada secara langsung seperti hebahan menerusi radio, pesanan khidmat awam melalui televisyen, mahupun penerangan secara ditulis melalui media-media cetak. Manakala secara tidak langsung pula adalah dari segi isi kandungan media yang diterbitkan itu haruslah bercirikan Negara Zikir.

Persoalannya, sejauh manakah dasar Negara Zikir ini termaktub serta diamalkan dalam setiap praktikali sistem media di Brunei, terutama dalam operasi penerbitan dan penyiaran?

Dengan mengguna-pakai kaedah sains maklumat, khasnya analisis kandungan, pendekatan kualitatif, dan sorotan literatur (Macnamara, 2005; Zed, 2008; Creswell, 2014), artikel ini mahukan menyentuh dan mengupas: (1) *Negara Zikir sebagai Satu Dasar Baru*; (2) *Konsep Negara Zikir*; (3) *Ciri-ciri Negara Zikir*; (4) *Sistem Media Negara Zikir*; (5) *Penguatkuasaan Garis Panduan Sistem Media*; (6) *Peraturan-peraturan Khas dan Fatwa Mufti Kerajaan*; serta (7) *Model Sistem Media Tanggungjawab Negara Zikir*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Negara Zikir sebagai Satu Dasar Baru. Istilah “zikir” merupakan istilah yang datang dari bahasa Arab, yang bererti ingat. Manakala dalam *Al-Qur’an*, zikir mempunyai tiga maksud, iaitu ingat, sebut, dan ajaran, yang membawa erti: ingat iaitu mengingati Allah; sebut iaitu menyebut nama-Nya; dan ajaran iaitu mempelajari segala ajaran-ajaran Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*), iaitu *Al-Qur’an*. Manakala maksud zikir dari segi *syara’* pula, zikir adalah satu istilah umum bagi perkataan yang disebut sebagai *zikir qauli* dan bagi perbuatan, *zikir fi’li*. Dalam erti kata lain, zikir juga dapat didefinisikan sebagai menyebut Allah dengan membaca: *tasbih*, iaitu *Subhanallah*; *tahlil*, iaitu *Lailahailallah*; *tahmid*, iaitu *Alhamdulillah*; *takbir*, iaitu *Allahu Akbar*; *basmalah*, iaitu *Bismillahirrahmanirrahim*; serta *hasbalah* dan *hauqalah* (PDI Brunei, 2008).

Manakala, Negara Zikir merupakan satu konsep atau dasar baru, seperti yang dinyatakan mula diperkenalkan sejak KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan pada tahun 2007, seperti berikut:

Beta, insya Allah, akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah "Negara Zikir", yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan-Nya, sesuai dengan janji-Nya di dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 152, tafsirnya, "Kamu ingati Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu pula".¹

Hasrat untuk menuju ke arah Negara Zikir ini terus dihebahkan oleh KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mana jelas bahawa baginda serius dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah Negara Zikir. Dalam konteks ini, sekali lagi, baginda bertitah semasa Majlis Ilmu sempena Hari Keputeraan Baginda ke-62 tahun, pada 26 Julai 2008, seperti berikut:

*Beta memang berazam untuk melihat Brunei Darussalam menjadi Negara Zikir. Suka Beta tegaskan di sini, bahawa azam beta ini bukanlah retorik. Tetapi bersumber dari keyakinan mendalam bahawa Negara Zikir itu akan menjadi "tuah" kepada semua, kerana ia pasti disukai oleh Allah, Tuhan Maha Pencipta, dan akan mendapat rahmat serta pertolongan-Nya. Dengan konsep Negara Zikir, kita insya Allah akan membangun negara dan kehidupan dengan perkara-perkara yang dipandang baik serta bagus oleh Allah dan juga oleh manusia. Kita akan usahakan kecemerlangan dengan konsep ini.*²

Oleh hal yang sedemikian, sejak dasar Negara Zikir dititahkan, usaha dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam menjadi Negara Zikir terus giat dijalankan dalam setiap aspek di negara ini, samada dalam bidang pentadbiran kerajaan, pendidikan, ekonomi, mahupun sosial dan budaya.

Konsep Negara Zikir. Zikir, istilah ini merupakan satu kalimah yang besar, agung, dan suci yang datang dari Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), yang diungkapkan langsung dari *Al-Qur'an*. Manakala bila

¹Lihat, contohnya, "Titah KDYMM [Kebawah Duli Yang Maha Mulia] Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan NBD [Negara Brunei Darussalam] pada Hari Raya Aidil Adha Tahun 1428 H/2007 M", sepertimana dipetik dari buku *Negara Zikir: Azam, Keperluan, dan Pelaksanaan*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan, ms.149-150; dan JP [Jabatan Penerangan] Brunei Darussalam (2009).

²Lihat juga, contohnya, "Titah KDYMM [Kebawah Duli Yang Maha Mulia] Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan NBD [Negara Brunei Darussalam] dalam Majlis Ilmu, 23 Rejab 1429 H/26 Julai 2008 M", sepertimana dipetik dari buku *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan, ms.76-78; dan JP [Jabatan Penerangan] Brunei Darussalam (2009).

dikaitkan dengan negara pula, iaitu *Negara Zikir*, lebih diistilahkan sebagai negara yang berorientasi dan berpaksikan zikir. Dalam erti kata lain, negara siasahnya adalah siasah zikir (siasah merujuk kepada hal ehwal kenegaraan, pengurusan negara, dan rakyat) supaya negara sentiasa berada dalam landasan yang baik dan rakyat yang bahagia; ekonomi negara pula, ekonomi zikir; sistem sosialnya budaya zikir; dan pertahanannya adalah pertahanan zikir (Juned, 2008).

Negara Zikir ini juga merujuk kepada sebuah negara Islam dan masyarakat dalam negara tersebut, yang sentiasa ingat dan taat kepada Allah SWT; lidah mereka sentiasa basah menyebut nama-nama Allah; sentiasa bersyukur kepada Allah SWT; melakukan perkara-perkara yang baik serta meninggalkan perkara yang dilarang; menegakkan syariat Allah SWT; dan segala tindakan yang mereka lakukan tidak melupakan Allah SWT. Masyarakat dalam Negara Zikir juga menjadikan ajaran Islam sebagai cara hidup mereka, saling nasihat-menasihati ke arah melakukan perkara-perkara ketaatan (JPM, 2009).

Hal ini menunjukkan bahawa setiap aktiviti dalam negara, sama ada dalam menuju pembangunan negara, hendaklah berorientasikan zikir, iaitu perlu ingat Allah SWT. Misalnya, dalam siasah zikir berperanan untuk menutup pintu-pintu keburukan, seperti pintu rasuah, penyelewengan, kezaliman, salah guna kuasa, dan sebagainya. Manakala melihat konteks “dasar ekonomi zikir” dapat dilihat dari subsidi kerajaan Brunei Darussalam dalam pemberian subsidi minyak dan beras terutamanya, merupakan sedekah kerajaan kepada rakyat (Juned, 2008).

Dalam pendidikan, dapat dilihat dari aspek berdo'a sebelum memulakan pelajaran, berkumpul berdo'a dalam waktu perbarisan, berzikir dan berdo'a sebelum dan semasa menduduki peperiksaan, samada dalam majlis keagamaan di sekolah-sekolah oleh guru-guru mahupun pelajar-pelajar.

Walau bagaimanapun, Negara Brunei Darussalam tidak hanya memulakan untuk mengingati Allah SWT, apabila konsep Negara Zikir ini dititahkan. Di Brunei Darussalam, mengingati Allah SWT, terutamanya dalam agama Islam, sudah lama dipraktikkan, kerana mengamalkan falsafah negara yang berkonsepkan MIB (Melayu Islam Beraja). Cuma, istilah “Negara Zikir” itu sahaja yang baharu diguna-pakai sejak KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah.

Apa yang penting, Brunei Darussalam sudah lama mengingati Allah SWT, malah pada malam negara ini mengisytiharkan detik kemerdekaan, tepat jam 12.01 tengah malam, pada tarikh 1 Januari

1984, laungan *Allahu Akbar* telah berkumandang tiga kali bagi menggantikan istilah “merdeka”. Hal ini juga jelas menunjukkan bahawa Brunei Darussalam sangat menitik-beratkan agama Islam dan sentiasa ingat kepada Allah SWT, bukannya sejak Negara Zikir ini dititahkan. Bahkan, juga melambangkan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang menjulang agama Islam dan segala ajaran-ajaran agama Islam (PDI Brunei, 2009).

Persoalannya, kenapa Negara Brunei Darussalam ingin menuju dan sedang giat berusaha menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir? Didapati bahawa apabila penghuni atau penduduk dalam sesebuah negara itu mengingati Allah SWT, sudah pasti kesan terhadap negara dikenal-pasti seperti negara sentiasa dalam kedamaian, kesejahteraan, kemakmuran tanpa sebarang kekacauan, peperangan, mahupun pertelingkahan. Dengan sentiasa mengingati Allah SWT juga, sebagai balasan, Allah SWT sentiasa mengingati hamba-hamba-Nya dalam apa jua situasi; di samping mengingati-Nya merupakan satu jalan terbaik untuk mendapatkan keamanan dan meneruskan kehidupan (PDI Brunei, 2008).

Ingin ditekankan juga bahawa mempelajari melalui sejarah lampau, mana-mana negeri yang telah bersikap lalai dari mengingati Allah SWT, maka negeri tersebut telah kehilangan segala nikmat-nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada mereka; sebagai balasan juga, negeri tersebut ditimpa kesengsaraan seperti kebuluran (tidak ada atau tidak cukup makanan) dan ketakutan (tidak ada keazaman dan kesejahteraan).

Menerusi surah *As-Saba'*, ayat 15-17, ada menerangkan mengenai negeri kaum Saba' yang terletak dalam wilayah Yaman sekarang. Negeri kaum ini mempunyai tanah yang sangat subur, penduduk negeri itu juga kaya-raya, tetapi atas sebab kelalaian dari mengingati Allah SWT dan tidak mensyukuri Allah SWT, telah terjadi perselisihan di antara mereka yang menyebabkan air empangan negeri tersebut tidak terjaga dengan baik, yang akhirnya pecah dan menyebabkan berlakunya banjir besar, segala kebun-kebun dan kampung halaman musnah, yang hanya tinggal adalah pohon-pohon kayu yang tidak berbuah, jika berbuah pun, pahit rasanya (Hawari *et al.*, 2019).

Jesteru, daripada contoh tersebut, Negara Brunei Darussalam terus berusaha untuk menjadi negara Islam yang diistilahkan sebagai “Negara Zikir”, negara yang sentiasa ingat kepada Allah SWT, mensyukuri segala yang telah diberikan nikmat-nikmat Allah SWT. Malah, dalam surah *Al-A'raaf*, ayat 96, juga ada menerangkan, yang tafsirnya:

Jika penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertaqwa, nescaya Allah SWT membukakan keberkatan bagi mereka yang melimpah ruah dari langit dan bumi [...].³

Penjelasan ini menunjukkan bahawa segala aktiviti dalam negara di Brunei Darussalam perlu sentiasa ingat kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), demi menuju Negara Zikir. Apa yang dapat dilihat juga bahawa media di Brunei Darussalam perlu menjadi "Media Zikir" untuk sama-sama membantu merealisasikan hasrat berkenaan, terutama dalam memberikan tunjuk ajar kepada khalayak, kerana media dipercayai mempunyai kuasa yang kuat dalam mempengaruhi khalayak. Jesteru, penting untuk melihat sejauh mana pelaksanaan konsep Negara Zikir dalam sistem media di Negara Brunei Darussalam (Wok, Ismail & Hussain, 2005).

Ciri-ciri Negara Zikir. Ciri-ciri Negara Zikir ini bersamaan dengan ciri-ciri Islam yang telah dipraktikkan di Negara Brunei Darussalam, terutamanya diambil dari ciri Islam yang terkandung dalam falsafah negara, iaitu MIB (Melayu Islam Beraja), seperti berikut:

Pertama, *Masyarakat yang Beraqidah dan Bertaqwa kepada Allah SWT (Subhanahu Wa-Ta'ala)*. Negara Zikir memerlukan masyarakat yang beraqidah, iaitu masyarakat yang beriman. Beriman dimaksudkan pula meliputi kepercayaan, keyakinan, dan pegangan, serta mempunyai kefahaman yang kuat dan teguh terhadap Allah SWT. Masyarakat yang beraqidah ini juga meliputi keyakinan masyarakat terhadap keberkatan sembahyang dan juga keberkatan Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*).

Selain itu, merujuk kepada masyarakat yang menghindari dari perbuatan dusta atau menipu, yang sudah tentunya mesti dielakkan oleh masyarakat yang beraqidah; perbuatan khianat dan makan haram juga mesti dielakkan demi rasa takut kepada Allah SWT. Balasan bagi terbentuknya masyarakat yang beraqidah, sudah tentunya, dapat mencapai kesempurnaan, keunggulan, kebahagiaan, dan kesejahteraan dari Allah SWT (Juned, 2007).

Kedua, *Masyarakat yang Berilmu Pengetahuan*. Dalam mencapai matlamat Negara Zikir memerlukan individu yang berilmu pengetahuan bagi melahirkan seorang Muslim yang bertaqwa dan sentiasa mengingati Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*). Ilmu pengetahuan yang diperlukan merangkumi pengetahuan yang dapat mempengaruhi iman, kebenaran, dan akhlak. Tanpa adanya ilmu

³Dipetik dari "Mukadimah Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera". *Kertas Kerja* dalam Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera, anjuran Pusat Da'wah Islamiah Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 3-4 Mac 2008.

pengetahuan, amat sukar bagi diri individu, malah masyarakat, untuk mencapai kemajuan, menambah keimanan, dan ketaqwaan, serta mudah untuk mengalami kelemahan (PDI Brunei, 2009).

Dorongan dan sokongan dari rakyat atau masyarakat yang berpengetahuan, berpengalaman, serta beriman kepada Allah SWT dapat membantu negara dalam mencapai matlamat negara, misalnya menjadikan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan sempurna. Walau bagaimanapun, harus diingati juga bahawa dalam mendapatkan ilmu pengetahuan, masyarakat tidak boleh melupakan nilai-nilai budi orang Brunei; ajaran ugama Islam hendaklah diamalkan, kerana ajaran ugama ini adalah salah satu kekuatan rohani yang dapat memimpin manusia, malahan dapat menimbulkan semangat untuk mencapai keredhaan Allah SWT tanpa mengira batas (JPK, 1985).

Ketiga, *Masyarakat yang Berakhlak Mulia*. Dalam mencapai hasrat menuju Negara Zikir, bukan sahaja masyarakat yang berilmu pengetahuan dan beraqidah diperlukan, bahkan setiap individu dalam masyarakat di negara Brunei Darussalam perlu mempunyai akhlak yang mulia dan terpuji untuk mencapai kecemerlangan. Antara sifat terpuji yang dimaksudkan ialah berbudi mulia yang membawa erti: mulia dari sudut pertuturan, mulia dari sudut tingkah-laku, mulia dari sudut pakaian, dan mulia dari sudut melayan tetamu, terutama bagi individu yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai (JPM, 2009).

Kepentingan mempunyai akhlak yang mulia ini juga ada dijelaskan dalam *Hadith* Rasulullah SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*), yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Abdullah bin 'Amr RA (*Radhiallahu 'Anhu*), bersabda yang membawa maksud: "*Sesungguhnya orang yang paling baik di antara kamu ialah orang yang paling baik akhlaknya*" (dalam Hakim, 2021).

Jesteru, masyarakat yang berakhlak mulia dan beretika sangat diperlukan dalam membangun negara, kerana membantu membentuk rakyat yang sentiasa menjaga tata-susila, mematuhi undang-undang dan norma masyarakat, bersifat *tawadhu'*, bantu-membantu, amanah, jujur, dan ikhlas, sama ada dalam perbuatan atau percakapan, dan sentiasa melakukan amal kebajikan dan kebaktian. Dengan adanya masyarakat yang berakhlak mulia ini memberi kesan kepada kehidupan bernegara yang berakhlak mulia, memberi kesan kepada kehidupan bernegara yang aman dan damai tanpa ada perbalahan, perpecahan, dan sebagainya. Ciri ini juga sangat penting dalam membentuk sebuah Negara Zikir, untuk menghindari para belia khususnya untuk tidak terlibat dengan sebarang macam jenis gejala sosial yang tidak sihat (PDI Brunei, 2009).

Keempat, *Amar Ma'ruf Nahi Mungkar*. Bagi mendapatkan negara yang harmoni dan dalam kerukunan bangsa, penganut agama Islam sepatutnya menekankan kepentingan menghidupkan amalan *Amar Ma'ruf Nahi Mungkar*, iaitu meninggalkan perkara-perkara yang mungkar, yang sudah tentunya dilarang oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*). Misalnya, mencegah dan menghalang berlakunya maksiat dalam sebuah masyarakat. Malah, dalam hal ini, semua pihak bertanggungjawab untuk menjalankan tugas *Amar Ma'ruf Nahi Mungkar* (PDI Brunei, 2009).

Kelima, *Mempertahankan Tanah Air*. Dalam membentuk sebuah Negara Zikir, individu khususnya dan masyarakat amnya perlu mempunyai sifat patriotisme, seperti mempertahankan tanah air sendiri. Malah, Islam ada menggariskan mengenai kepentingan mempertahankan keselamatan dan maruah agama, bangsa, dan negara. Jesteru, Negara Zikir bukan sahaja sebuah negara yang mengingatkan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), bahkan juga merangkumi isi negara tersebut mempertahankan tanah air (PDI Brunei, 2009).

Antara tingkah-laku mempertahankan tanah air ialah seperti tidak mengancam kemajuan dan pembangunan negara; penjagaan alam sekitar dan pengamalan kebersihan; mempertahankan budaya, warisan, tradisi, dan adat negara selagi tidak bercanggah dengan agama Islam; dan menjaga hubungan baik negara dengan negara-negara serantau dan antarabangsa.

Keenam, *Berpandukan Aliran Ahli Sunnah wal-Jama'ah*. Negara Zikir yang dihasratkan juga perlu berpandukan dan berlandaskan aliran *Ahli Sunnah wal-Jama'ah*. Malah, perkara ini ada termaktub di dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan juga termasuk dalam titah KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan pengisytiharan kemerdekaan, bahawasanya Brunei Darussalam akan kekal selama-lamanya menjadi negara MIB (Melayu Islam Beraja) berpandukan *Ahli Sunnah wal-Jama'ah* (Bakar, 2015).

Jesteru, adalah wajar bagi segenap aktiviti yang dijalankan, walaupun "mengingati Allah SWT" harus berpandukan kepada aliran kefahaman ini. Antara perkara yang menjadi pegangan dan kepercayaan mazhab ini adalah kepercayaan mengenai ketuhanan; kepercayaan mengenai kenabian; serta kepercayaan mengenai perkara-perkara ghaib, seperti kubur, akhirat, padang mahsyar, dan lain-lain kepercayaan. Ciri-ciri Negara Zikir ini memainkan peranan bagi melihat sejauh mana sistem media di Brunei melaksanakan Negara Zikir (JPK, 1985).

Jadual 1:
Ciri-ciri Negara Zikir Berdasarkan Kategori

Unsur Agama	Unsur Monarki	Unsur Patriotisme
Melahirkan masyarakat yang beraqidah dan bertaqwa kepada Allah SWT (<i>Subhanahu Wa-Ta'ala</i>).	Kesetiaan kepada Raja. Menghormati Ulul 'Amri (Ketua Negara / Pemimpin).	Melahirkan masyarakat berilmu pengetahuan. Melahirkan masyarakat berakhlak mulia.
<i>Amar Ma'ruf Nahi Mungkar</i> (mencegah perkara-perkara yang ditegah oleh Allah SWT).		Mempertahankan tanah air.
Menurut aliran kefahaman <i>Ahli Sunnah wal-Jama'ah</i> .		

Sistem Media Negara Zikir. Pendekatan analisis dokumen kualitatif terhadap akta dan garis panduan, titah-titah KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang berkaitan dengan media di Negara Brunei Darussalam dianalisis bersama dengan ciri-ciri Negara Zikir bagi melihat pelaksanaan Negara Zikir dalam dokumen-dokumen yang dianalisis (Bakar, 2015). Akta serta garis panduan yang dianalisis adalah seperti berikut:

Akta Penyiaran (penggal 180) pindaan 2000, yang mengandungi: Garis Panduan Penyiaran Internet (2001); Garis Panduan Perkhidmatan Penyiaran (2000); dan Garis Panduan Penyiaran Iklan (2000).

Akta Terbitan-terbitan yang Tidak Diingini (penggal 25) 1982 pindaan 2010, yang mengandungi: Garis Panduan Penapisan/Pemeriksaan Buku dan Majalah; dan Garis Panduan Penapisan Surat-Surat Khobar (termasuk iklan-iklan yang ditegah dalam majalah dan surat khobar).

Akta Hiburan Awam (penggal 181) pindaan 2000, yang mengandungi: Garis Panduan Penapisan Pementasan dan Konsert.

Akta Penapisan Filem dan Hiburan Awam (penggal 69) 1962 pindaan 2002, yang mengandungi: Garis Panduan Penapisan Gambar-gambar, Filem, dan Hiburan Orang Ramai.

Analisis adalah berdasarkan tiga kategori utama, iaitu: (1) unsur-unsur keagamaan; (2) unsur-unsur monarki; dan (3) unsur-unsur

patriotisme. Di dalam setiap kategori ini memuatkan ciri-ciri Negara Zikir, seperti didalam jadual 1. Ciri-ciri ini dikaitkan dengan isi kandungan setiap garis panduan menggunakan kaedah penjadualan. Lihai jadual 1.

Pertama, *Pelaksanaan Unsur Keagamaan*. Di dalam unsur keagamaan ini, elemen Negara Zikir yang dianalisis terhadap isi-isi garis panduan ialah elemen melahirkan masyarakat yang beraqidah dan bertaqwa kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*); atau dalam erti kata lain, sejauh mana usaha media massa dalam melahirkan masyarakat yang beriman dan elemen yang mencegah masyarakat dari melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah SWT, iaitu *Amar Ma'ruf Nahi Mungkar*.

Kedua-dua elemen ini, walau bagaimanapun, tidak ada secara langsung (perkataan atau ayat) dimuatkan dalam garis panduan. Oleh itu, pengkaji hanya melakukan proses adaptasi, mana yang sesuai untuk dicirikan dengan elemen-elemen ini.

Misalnya, dalam garis panduan Penapisan Gambar-gambar, Filem, dan Hiburan Orang Ramai, salah satu isi kandungan garis panduan ini adalah: “[...] tidak merosakkan kerukunan umat beragama”. Bagi isi kandungan jelas sekali menunjukkan bahawa sebarang filem tidak boleh memuatkan elemen seperti itu. Faktor ini, menurut pengkaji, adalah untuk mengawal masyarakat tempatan khususnya, untuk sentiasa bertaqwa, beriman, dan mempunyai aqidah yang cukup kepada Allah SWT agar tidak merosakkan mana-mana usaha umat Islam menjalankan ibadah mereka (NBD, 1962).

Elemen ketiga dalam unsur keagamaan ialah berpandukan aliran *Ahli Sunnah wal-Jama'ah*. Bagi elemen ini, hampir dalam setiap garis panduan ada memuatkan tidak ada mana-mana terbitan media yang menerbitkan rancangan, program, atau penulisan yang bertentangan dengan aliran kefahaman berkenaan. Misalnya, Garis Panduan Penyiaran, Akta Penyiaran (Penggala 180) pindaan tahun 2000, menyatakan bahawa mana-mana program keagamaan perlu diambil perhatian agar tidak menjejaskan keimanan masyarakat terhadap pegangan aliran *Ahli Sunnah wal-Jama'ah* khususnya dan juga kestabilan Islam di Negara Brunei Darussalam umumnya (Kanafi, Muhlisin & Susminingsih, 2015).

Analisis kajian menunjukkan secara jelas bahawa setiap isi kandungan garis panduan ada melaksanakan ciri-ciri Negara Zikir, walaupun “arahan” dari agensi kerajaan supaya media massa di Brunei Darussalam melaksanakan dasar ini belum dinyatakan. Hakikatnya, ciri-ciri Negara Zikir dalam garis panduan dan akta yang berunsurkan

keagamaan wujud, yang juga merupakan atas sebab agama rasmi bagi negara ini adalah Islam dan mengamalkan falsafah MIB (Melayu Islam Beraja), sejak kemerdekaan pada tahun 1984. Elemen-elemen ke-Islaman sudah wujud dalam media massa di Brunei, tetapi tidak diistilahkan sebagai “Negara Zikir”, kerana dasar ini baru diperkenalkan pada tahun 2007 (NBD, 1982; Bakar, 2015).

Kedua, *Pelaksanaan Unsur Monarki*. Unsur monarki yang dimaksudkan ialah elemen kesetiaan kepada Raja dan juga menghormati *Ulul ‘Amri*. *Ulul ‘Amri*, menurut Ibnu Katsir – sepertimana dipetik dalam Abdullah Muhammad Alu-Syaikh ed. (2008) – adalah *Umara* atau Pemimpin dan *Ulama* (Alu-Syaikh ed., 2008:434).

Elemen kesetiaan kepada Raja dan juga menghormati *Ulul ‘Amri* dimuatkan sebagai ciri Negara Zikir, kerana elemen ini ditekankan di dalam agama Islam untuk menghormati Raja atau Ketua Negara ataupun Pemimpin, seperti yang dinyatakan dalam surah *An-Nisa*, ayat 59, yang tafsirnya seperti berikut:

Wahai orang-orang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad) dan Ulil Amri (pemegang kekuasaan).⁴

Berdasarkan analisis terhadap isi garis panduan, media massa di Brunei menerbitkan penerbitan berlandaskan garis panduan yang bukan sahaja berunsurkan keagamaan, bahkan juga menerbitkan penerbitan media massa yang bercirikan kesetiaan kepada Raja dan juga menghormati Pemimpin.

Dalam pada itu, tidak semua garis panduan yang dijadikan persampelan bagi kajian ini mempunyai unsur-unsur monarki, walaupun jelas menunjukkan wujudnya unsur-unsur monarki, terutama sekali faktor menghormati *Ulul ‘Amri* di dalam isi kandungan media massa di Brunei, kecuali Garis Panduan Penapisan Gambar-gambar, Filem, dan Hiburan Orang Awam; Garis Panduan Penyiaran Iklan; dan Garis Panduan Penapisan Pementasan dan Konsert. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga garis panduan ini turut memberikan penekanan falsafah MIB (Melayu Islam Beraja), yang juga turut memuatkan elemen “beraja”.

Jika dilihat kepada siaran berita, tidak kira melalui televisyen atau radio sejak dulu lagi, berita yang berkaitan dengan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berserta ahli kerabat

⁴Sila tengok “An-Nisa’:59” dalam talian <https://tafsir.learn-quran.co/id/surat-4-an-nisa'/ayat-59> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3hb Julai 2022].

diraja yang lain, akan didahulukan sebelum berita-berita yang lain, seperti hal-ehwal semasa ataupun hal-ehwal luar negara. Faktor ini jelas menunjukkan bahawa kesetiaan kepada Raja dan menghormati *Ulul 'Amri* itu telah dipraktekkan dalam media massa di Brunei Darussalam.

Ketiga, *Pelaksanaan Unsur Patriotisme*. Faktor-faktor yang termasuk didalam unsur patriotisme adalah melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia, dan mempertahankan tanah air. Unsur patriotisme ini mempunyai persamaan dengan unsur keagamaan, iaitu tidak semua isi kandungan garis panduan yang menyatakan secara langsung ciri-ciri unsur patriotisme. Jesteru, analisis yang dijalankan ini adalah berdasarkan penelitian dan penyesuaian antara ciri-ciri unsur patriotisme dan isi kandungan garis panduan.

Sebagai tambahan, kebanyakan isi kandungan garis panduan mempunyai unsur yang lebih daripada satu. Misalnya, dalam Garis Panduan Penyiaran Internet, Akta Penyiaran (Penggagal 180), pindaan tahun 2000, menyatakan, “[...] kandungan yang berunsur pornografi ataupun berunsur lucah tidak boleh dimuatkan”. Isi kandungan garis panduan ini selain dari membawa unsur keagamaan, untuk melahirkan masyarakat yang beraqidah dan bertaqwa kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*), juga membawa unsur patriotisme, iaitu untuk melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia dan mempertahankan tanah air (NBD, 1997b).

Mempertahankan tanah air, didalam unsur patriotisme, bukan sahaja merujuk kepada mempertahankan dari sudut keamanan dan keharmonian negara atau masyarakat, tetapi juga mempertahankan ekonomi negara, kerajaan, dan sosial negara. Mempertahankan sosial negara, misalnya, dari sudut mempertahankan serta melindungi sosial di Brunei, agar gejala-gejala sosial yang tidak sihat tidak terus menular.

Berdasarkan analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa isi kandungan setiap garis panduan yang berkaitan dengan media massa di Negara Brunei Darussalam mengamalkan unsur patriotisme, ciri Negara Zikir yang memfokuskan kepada faktor melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, masyarakat yang berakhlak mulia, dan juga mempertahankan tanah air dengan mencegah perkara-perkara yang negatif, yang boleh membawa kemudaratan kepada negara, terutama dalam keselamatan dan sosial negara.

Begitu juga dalam melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, apa yang dipaparkan atau diterbitkan oleh media massa itu perlu tidak mempunyai elemen yang “mengajar” atau membawa

ilmu pengetahuan yang tidak berguna kepada khalayak, mahupun sebarang penerbitan yang tidak bermanfaat bagi khalayak. Media massa di Brunei perlu menjadi “aliran” ilmu pengetahuan yang positif, berguna, bermanfaat, dan tidak bertentangan dengan Islam buat khalayak masyarakat.

Begitu juga dalam melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia, dalam setiap panduan berkaitan dengan media massa ini menekankan kepentingan moral, nilai, norma, hormat-menghormati sesama makhluk, sama ada manusia atau haiwan, dalam setiap penerbitan media untuk melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia.

Penguatkuasaan Garis Panduan Sistem Media. Garis panduan yang memandu sistem media di Negara Brunei Darussalam turut dianalisis bagi mengenal-pasti pelaksanaan dasar Negara Zikir. Bagi garis panduan Penapisan Gambar-gambar, Filem, dan Hiburan Orang Ramai, bertujuan untuk melindungi kepentingan kerajaan dan masyarakat daripada pengaruh negatif yang bertentangan dengan moral, agama, dan adat-istiadat; dan mempertimbangkan kualiti filem.

Jika dilihat dengan ciri yang ada pada Negara Zikir, bagi unsur patriotisme, “moral” seperti yang dimaksudkan dalam tujuan garis panduan merupakan salah satu elemen yang perlu dijaga bagi “melahirkan masyarakat yang berakhlak baik”. Manakala “agama” sudah tentu menjaga kesucian agama Islam, yang jelas termasuk sebagai salah satu ciri Negara Zikir; dan bagi “adat-istiadat” pula dapat dimasukkan dalam unsur monarki dan unsur patriotisme, menjaga identiti, adat, tata-susila Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang beraja, mengamalkan falsafah negara yang berkonsepkan MIB atau Melayu Islam Beraja (Bakar, 2015).

Bagi ahli-ahli panel dan mereka yang ditugaskan dalam Penapisan Gambar-gambar, Filem, dan Hiburan Orang Ramai, ahli panel adalah terdiri daripada rakyat Brunei yang dilantik oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan limpah kurnia perkenan KDYMM (Kebawah Duli Yang Maha Mulia) Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang terdiri dari pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang memegang jawatan-jawatan kanan, mewakili Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Pasukan Polis Diraja Brunei, dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa ahli-ahli panel, seperti yang disebutkan, mewakili pelbagai jenis agensi kerajaan. Setiap ahli panel berperanan memastikan sebarang penerbitan (gambar, filem,

atau hiburan) dapat “mendidik” khalayak (peranan Kementerian Pendidikan); tidak bertentangan dengan syariat Islam dan yang penting pegangan *Ahli Sunnah wal-Jama’ah* (peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama); tidak meruntuhkan moral khalayak, menjaga tradisi, budaya, dan identiti ke-Brunei-an (peranan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan); serta menjaga keselamatan negara dari sudut jenayah dan tidak meninggalkan kesan terhadap “sosial” negara (peranan Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri).

Setiap satu yang dijelaskan itu sudah menepati ciri-ciri Negara Zikir, iaitu melahirkan masyarakat berilmu pengetahuan, berakhlak baik, serta mempertahankan tanah air, masyarakat yang beraqidah dan bertaqwa kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*), *Amar Ma’ruf Nahi Mungkar*, berpandukan pegangan *Ahli Sunnah wal-Jama’ah*, di samping ciri kesetiaan kepada Raja dan menghormati *Ulul ‘Amri*.

Begitu juga dengan objektif garis panduan Penapisan Buku, Majalah, dan Surat Khabar di bawah Akta Terbitan-terbitan yang Tidak Diingini (Penggali 25) 1982 pindaan 2010, iaitu memastikan bahan-bahan terbitan tidak mengandungi bahan-bahan yang tidak diingini dan bercanggah dengan adat-istiadat, tata-susila, ugama, dan moral yang boleh mempengaruhi, mengelirukan fikiran orang ramai, serta memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan negara, dan rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD, 1982).

Faktor-faktor yang ditekankan ini bertepatan dengan ciri-ciri yang ada pada Negara Zikir, bahkan juga ciri-ciri konsep MIB (Melayu Islam Beraja), yang menitikberatkan kepada adat-istiadat negara sebagai negara yang beraja dan adat Melayu, agama Islam, dan moral khalayak, yang berakhlak mulia dan mempertahankan tanah air (Bakar, 2015).

Manakala pegawai-pegawai yang diberi kuasa menguatkuasakan garis panduan ini terdiri daripada pegawai dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, bertujuan untuk mengawal kemasukan penerbitan barang-barang dari luar negara, begitu juga dengan Ketua Pos Agung, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, berserta Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, bagi memastikan keselamatan negara; dan juga Unit Penapisan Terbitan-terbitan yang Tidak Diingini, Pusat Dakwah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei, bagi memastikan tidak ada sebarang terbitan (buku, majalah, dan surat khabar) yang bercanggah dengan ugama Islam.

Peraturan-peraturan Khas dan Fatwa Mufti Kerajaan. Dalam pelaksanaan Negara Zikir dalam sistem media negara, peraturan khas (yang tidak termaktub di dalam mana-mana akta berkaitan

Jadual 2:
Waktu & Hari Dibenarkan & Tidak Dibenarkan Mengadakan Hiburan

Bulan-Bulan Islam	Dibenarkan	Tidak Dibenarkan/ <i>Blackout Dates</i>
Muharram	11hb - 30hb	1hb - 10hb
Safar	1hb - 30hb	-
Rabiulawal	-	1hb - 10hb
Rabiulakhir	1hb - 30hb	-
Jamadilawal	1hb - 30hb	-
Jamadilakhir	1hb - 30hb	-
Rejab	-	1hb - 30hb
Syaaban	-	1hb - 30hb
Ramadan	-	1hb - 30hb
Syawal	8hb - 30hb	1hb - 7hb
Zulkaedah	1hb - 30hb	-
Zulhijjah	16hb - 30hb	1hb - 15hb

dengan media massa di Negara Brunei Darussalam), yang diperolehi dari Bahagian Pengawalan Hiburan Awam dan Penerbitan KHEDN (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) Negara Brunei Darussalam, pada hari Selasa, 15hb Oktober 2013, turut dianalisis.

Peraturan-peraturan khas ini, antaranya, adalah panduan jenis aktiviti hiburan awam yang dipertimbangkan oleh KHEDN dan juga peraturan seperti mana-mana penganjur perlu mematuhi garis panduan waktu dan hari untuk mengadakan sebarang hiburan. Menurut KHEDN, mana-mana pihak penganjur berkaitan dengan hiburan, sama ada konsert, hiburan secara langsung dalam televisyen atau tidak, perlu mematuhi bukan sahaja Garis Panduan Penapisan Hiburan Awam, tetapi juga perlu mematuhi Garis Panduan Waktu dan Hari mengadakan atau menganjurkan hiburan awam. Bulan-bulan serta tarikh-tarikh yang dibenarkan dan tidak dibenarkan untuk mengadakan aktiviti hiburan awam adalah seperti di dalam jadual 2, yang diperolehi dari Bahagian Pengawalan Hiburan Awam dan Penerbitan KHEDN Negara Brunei Darussalam. Lihat jadual 2.

Berdasarkan jadual 2, waktu-waktu yang tidak dibenarkan untuk mengadakan sebarang jenis hiburan adalah untuk memperingati tarikh-tarikh atau hari-hari kebesaran Islam dan menghormati bulan-bulan tertentu, seperti bulan Rejab, Syaaban, dan Ramadan, yang mana umum mengetahui bahawa bulan-bulan itu dianjurkan untuk memperbanyakkan amal ibadat dan dilarang mengadakan sebarang jenis aktiviti hiburan di Negara Brunei Darussalam.

Selain daripada bulan-bulan Islam, hiburan di Brunei Darussalam tidak boleh diadakan pada malam Jumaat (malam hari Khamis) dan sepanjang siang hari Jumaat. Faktor ini merupakan salah satu usaha negara untuk sentiasa mengingatkan Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*), menghormati hari-hari kebesaran Islam, dan juga hari-hari “suci” bagi Islam dalam seminggu, contohnya menghormati hari Jumaat.

Jesteru, ciri Negara Zikir itu wujud di dalam operasi sistem media di negara Brunei Darussalam, bukan sahaja media dari sudut televisyen, radio, atau akhbar, malah hiburan secara langsung, seperti konsert juga ada peraturan-peraturan khas, dan peraturan tersebut adalah berlandaskan mengingatkan Allah SWT.

Selain itu, garis panduan untuk mengadakan hiburan di Negara Brunei Darussalam tidak bersifat tetap, sentiasa ada perubahan mengikut peredaran masa; namun apa yang penting, tidak melanggar, atau bertentangan dengan agama Islam, akidah, adat-istiadat, tata-susila, dan budaya “orang Brunei”.

Hiburan awam, menurut KHEDN (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri), adalah hiburan-hiburan yang membolehkan kemasukan orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai, sama ada secara percuma atau bayaran. Perlu ditekankan juga bahawa hiburan awam seperti karaoke tidak dibenarkan diadakan di premis-premis perniagaan, seperti restoran-restoran, hotel, dan kedai makan dan minum. Walau bagaimanapun, hiburan seperti ini dapat dijalankan bagi tujuan-tujuan tertentu sahaja, seperti acara-acara peribadi seperti sambutan hari keluarga dan sambutan pertubuhan syarikat-syarikat atau bank (NBD, 1962; NBD, 1997a).

Selain karaoke, persembahan konsert artis-artis luar negara dan adanya sesi bertemu peminat tidak dibenarkan di Brunei, malah penggunaan nama “konsert” juga tidak dibenarkan. Oleh itu, konsert-konsert artis luar negara, terutama sekali, memang tidak diadakan dan dibenarkan di Negara Brunei Darussalam. Brunei bukan bersifat konservatif, tetapi Brunei lebih kepada mematuhi peraturan-peraturan Allah SWT (cf NBD, 1962; NBD, 1997a).

Larangan ini juga bertepatan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, pada tahun 2001, bahawa menggunakan alat-alat muzik, tarian, atau nyanyian adalah perkara-perkara mungkar, yang dapat membawa kepada kerosakan. Bermain alat-alat muzik adalah satu kebiasaan bagi orang-orang yang tidak beriman kepada Allah SWT; dan sebagai umat Islam yang beriman, tidak boleh memperikutkan “budaya” orang yang tidak beriman. Menurut fatwa Mufti Kerajaan lagi, hukumnya adalah haram untuk

mendengar nyanyian yang disertai dengan muzik, kecuali paluan kompang yang dimainkan di majlis-majlis perkahwinan atau hari raya, itu pun dengan syarat, ia tidak melanggar “dasar-dasar” Islam (JMK Brunei Darussalam, 2001).

Keterangan di atas, jelas memberikan sebab mengapa hiburan awam tidak diadakan di Brunei Darussalam. Faktor ini merupakan satu usaha Negara Brunei Darussalam untuk mendapat rahmat dari Allah SWT, dengan sentiasa mengingati Allah SWT, selain dari menjaga kedaulatan dan kesucian agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Selain dari hiburan awam mengadakan konsert-konsert, hiburan-hiburan seperti pertunjukan fesyen (*fashion show*), kecuali jika majlis tersebut dibuat oleh wanita sahaja dan tidak dikeluarkan dalam media, pertandingan ratu cantik, bina badan dan gusti, permainan seperti *fun fair* yang tidak berunsurkan perjudian, tidak dibenarkan untuk diadakan di Negara Brunei Darussalam, menurut Bahagian Pengawasan Hiburan Awam dan Penerbitan, KHEDN (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) di Negara Brunei Darussalam.

Model Sistem Media Tanggungjawab Negara Zikir. Daripada perbincangan dalam bahagian sebelum ini, sistem media di Negara Brunei Darussalam dari sudut operasinya mengamalkan sistem media bersifat Negara Zikir. Setiap garis panduan berkaitan dengan media massa di Brunei terdapat tiga unsur yang sangat ditekankan dalam setiap penerbitan media massa, iaitu unsur keagamaan, unsur monarki, dan unsur patriotisme; dan unsur-unsur itu merangkumi ciri-ciri Negara Zikir.

Dalam pada itu, pelaksanaan dan amalan ini bukan hanya setakat tertulis atas “helaian kertas” sahaja, turut diharapkan agar pelaksanaan Negara Zikir dilaksanakan dan diamalkan dalam setiap aktiviti, proses, dan terbitan media massa di Brunei. Berdasarkan analisis ini, didapati amalan dan pelaksanaan ciri Negara Zikir itu wujud dalam setiap garis panduan media massa di Brunei; jesteru, adakah model sistem media yang diamalkan di negara ini menjurus kepada model sistem media Negara Zikir atau model sistem media Melayu Islam Beraja?

Media di Negara Brunei Darussalam berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan, menyebabkan media di negara ini bertanggungjawab kepada khalayak masyarakat untuk tidak menerbitkan mana-mana bahan media yang bercanggah dengan agama rasmi negara, iaitu Islam, sistem pemerintahan beraja, dan juga perlu menanamkan pada jiwa masyarakat sifat patriotisme. “Tugas-

Rajah 1:
Analisis Model Sistem Media Tanggungjawab Sosial

Ciri-ciri utama model sistem media tanggungjawab sosial (*social responsibility/ public interest*) daripada D. McQuail (2010):


- Bertanggungjawab dalam menuruti kehendak khalayak.
- Pengamal media mengamalkan kawalan sendiri dan perlu tahu apa yang patut dan tidak patut dimasukkan dalam setiap penerbitan.
- Bersifat bebas, tapi ada kawalan sendiri dan tidak menentang kawalan dari pihak kerajaan.
- Terikat dengan pengawalan dan regulasi undang-undang.
- Pemilikan media yang seimbang, ada pemilikan kerajaan dan swasta.
- Isi kandungan: kepelbagaian informasi, pandangan, budaya tempatan.
- Menyokong undang-undang awam, menghormati undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia.
- Media menurut khalayak, sistem politik yang demokratik.
- Media mengelakkan terjadinya perkara yang boleh membahayakan individu dan masyarakat.
- Menitik beratkan penerbitan yang selaras dengan identiti kebangsaan, budaya, bahasa tempatan dan mementingkan kualiti.

Ciri-ciri operasi sistem media di Negara Brunei Darussalam:

- Ada garis panduan yang memandu pengamal media dalam menerbitkan sebarang penerbitan.
- Pengamal media bebas untuk menerbitkan sebarang penerbitan, tetapi perlu mematuhi kod dalam garis panduan dan kawalan kerajaan.
- Media di Brunei juga terikat dengan undang-undang (garis panduan) selain dari falsafah MIB (Melayu Islam Beraja) dan dasar Negara Zikir.
- Wujudnya organisasi media swasta dan kerajaan walaupun tidak seimbang.
- Perkara ini termasuk di dalam garis panduan.
- Amalan ini diamalkan di Brunei, termaktub dalam garis panduan, mempunyai unsur mempertahankan tanah air.
- Ada ditekankan dalam garis panduan, penerbitan perlu selaras dengan falsafah negara dan identiti kebruneian.

Kunci:
(Tepat) →
(Bercanggah) →

Rajah 2:
Model Sistem Media “Tanggungjawab-Negara Zikir”



Sumber : Kajian Lapangan.

tugas” ini merupakan “tanggungjawab sosial” media di Brunei dan bertepatan dengan ciri-ciri model sistem media tanggungjawab sosial atau *a social responsibility/public interest model* (McQuail, 2010).

Tanggungjawab sosial media di Brunei Darussalam terdiri daripada unsur-unsur dan ciri-ciri dasar Negara Zikir kepada masyarakat yang terbahagi kepada tiga unsur, iaitu unsur keagamaan, unsur monarki, dan unsur patriotisme. Jelas di sini menunjukkan daripada menggunakan istilah “tanggungjawab sosial”. Pengkaji melihat kewajaran bagi mengistilahkan model sistem media di negara ini sebagai “model sistem media Negara Zikir”.

Hal ini kerana dasar Negara Zikir bukan sahaja terhad kepada elemen-elemen keagamaan, bahkan ciri-ciri dasar juga menerapkan ciri-ciri monarki dan patriotisme, yang bertepatan dengan ciri-ciri model sistem media tanggungjawab sosial, misalnya yang menekankan elemen mempertahankan identiti negara oleh D. McQuail (2010) dan sarjana terbilang lainnya (cf McQuail, 2010; Mubarak & Andjani, 2014; Nashrillah, 2016). Lihat rajah 1.

Garis panduan-garis panduan berkaitan, yang dianalisis, juga telah jelas menunjukkan bahawa amalan sistem media di Brunei sudah mengamalkan ciri-ciri Negara Zikir, kenapa tidak sistem media di Negara Brunei Darussalam digelar sebagai “model sistem media tanggungjawab-Negara Zikir”, yang juga membawa erti model sistem media tanggungjawab sosial tetapi versi Negara Brunei Darussalam? Seperti yang dibincangkan, hal ini kerana, selain dari sistem media yang mengingati Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*) dari segi keagamaan, sistem media Brunei juga bertanggungjawab memupuk elemen-elemen patriotisme dan monarki kepada masyarakat.

Walau bagaimanapun, jika hendak dilabelkan sistem media di Brunei sebagai model sistem media Negara Zikir, media di Brunei menggalas tanggungjawab yang besar, iaitu bukan setakat pada nama sahaja, perlu seiring dengan praktikal dan perlu konsisten, apa yang diterbitkan perlu juga bersifat “sentiasa ingat kepada Allah SWT”. Rajah 2 menjelaskan model sistem media “Tanggungjawab-Negara Zikir” di Negara Brunei Darussalam.

KESIMPULAN

Amalan media di Negara Brunei Darussalam sangat unik sifatnya, jika dibandingkan dengan sistem media negara luar. Sistem media di Brunei Darussalam ini sangat kecil keluasannya jika dibandingkan dengan sistem media di Malaysia misalnya, walaupun ciri-ciri kedua-dua buah negara hampir sama, iaitu mempunyai Raja, Islam sebagai agama rasmi tetapi berbeza dari sudut rakyat, bukan sahaja dari segi jumlah bahkan juga bangsa yang terdapat di Malaysia.

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang sangat menitikberatkan dan mendaulatkan agama Islam, jadi tidak menghairankan apa yang diamalkan atau dipraktikkan oleh media di Brunei Darussalam sangat terarah kepada ke-Islam-an, di samping membantu masyarakat untuk menghormati sistem monarki negara dan menanamkan sifat patriotisme (cintakan tanah air).

Walaupun amalan sistem media di Brunei Darussalam lebih kepada ke-Islam-an, ini tidak membawa maksud sistem media di Brunei Darussalam menerbitkan sebarang penerbitan media yang berbentuk ke-Islam-an sahaja, tetapi “ke-Islam-an” yang terkandung dalam sistem media di Brunei lebih kepada “mengingati Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta’ala*)”, tidak melanggar syariat Islam. Sebagai contoh, dalam penerbitan rancangan berita, pembaca berita wanita perlu menutup aurat (bertudung), kerana tuntutan sebagai seorang wanita Islam, begitu juga dalam drama-drama tempatan, isi

kandungan drama berdasarkan garis panduan yang telah dianalisis tidak boleh mengandungi apa-apa yang membawa masyarakat kepada kemungkaran atau melanggar hukum Islam. Ini juga jelas menunjukkan bahawa amalan sistem media di Brunei Darussalam lebih kepada mengingatkan Allah SWT bertepatan dengan hasrat Brunei Darussalam untuk menjadi sebuah “Negara Zikir”.

Penyediaan dan penerbitan bahan-bahan media yang baik, tidak bertentangan dengan agama Islam, yang membawa khalayak masyarakat untuk sentiasa mengingat Allah SWT, untuk sentiasa cinta kepada negara, mempertahankan negara, dan kesetiaan dan hormat kepada ketua negara adalah “tanggungjawab sosial” media di Brunei terhadap masyarakat. Sistem media di Brunei ini bukan *rigid*, bukan konservatif, bukan autoritarian dan bukan bebas, tetapi “bertanggungjawab” kepada khalayak Brunei Darussalam.

Selain dari “tanggungjawab” ini, ciri-ciri sistem media di Brunei Darussalam adalah sebuah contoh negara yang mengamalkan model sistem media tanggungjawab sosial, di bawah teori media normatif: empat model D. McQuail (2010), tetapi dari segi istilah dan kesesuaian, sistem media di Brunei Darussalam lebih sesuai dikenali sebagai model sistem media “tanggungjawab-Negara Zikir”.⁵

Referensi

- Alu-Syaikh, Abdullah Muhammad [ed]. (2008). *Tafsir Ibnu Katsir*, Jilid 2. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi’i.
- “An-Nisa’:59” dalam talian <https://tafsir.learn-quran.co/id/surat-4-an-nisa'/ayat-59> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3hb Julai 2022].
- Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu. (2015). *Projeksi Melayu Islam Beraja dalam Media Massa*. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Creswell, John W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. London and New York: Sage.
- Hakim, M. Saifudin. (2021). “Keutamaan Berhias dengan Akhlak Mulia” dalam *Muslim.Or.Id*, pada 7 Desember. Tersedia secara online juga di: <https://muslim.or.id/40677-keutamaan-berhias-dengan-akhlak-mulia.html> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3hb Julai 2022].
- Hawari, Nadirsah *et al.* (2019). “Merawat Nusantara: Kontemplasi Atas Kisah Kaum Saba’ dalam Kitab Suci Umat Islam” dalam *AL-ADYAN: Jurnal Studi Lintas Agama*, Vol.14, No.2 [Juli-Desember], hlm.283-308.

⁵*Kenyataan:* Kami, yang bertanda-tangan di bawah ini, membuat kenyataan dengan sebenar bahawa artikel ini adalah karya akademik kami berdua. Lanya bukan dapatan plagiat, memandangkan sumber-sumber yang kami petik dan rujuk, jelas tersenarai dalam Senarai Rujukan atau Referensi. Artikel ini juga belum pernah kami hantar ke jurnal akademik lain untuk diwasit dan diterbitkan. Kami tidak akan menarik-balik artikel ini dari jurnal *SOSIOHUMANIKA*, yang dianjurkan dan diterbitkan oleh Minda Masagi Suci dan ASPENSI (Asosiasi Sejarawan dan Pendidik Sejarah Internasional) di Bandung, Jawa Barat, Indonesia.

- JMK [Jabatan Mufti Kerajaan] Brunei Darussalam. (2001). *Islam dan Muzik: Fatwa Mufti Kerajaan Brunei*. Bandar Seri Begawan: Ezy Printing Services.
- JP [Jabatan Penerangan] Brunei Darussalam. (2009). *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan.
- JPK [Jabatan Percetakan Kerajaan]. (1985). *Buku Cenderamata Kenangan Sempena Pembukaan Rasmi Bangunan Pusat Da'wah Islamiah Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Percetakan Kerajaan.
- JPM [Jabatan Perdana Menteri]. (2009). *Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Percetakan Kerajaan.
- Juned, Aziz. (2007). "Masyarakat Beraqidah". *Kertas Kerja* dalam Seminar Motivasi Masyarakat Beraqidah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei Darussalam, pada 25-26 Julai.
- Juned, Aziz. (2008). "Negara Zikir". *Kertas Kerja* dalam Seminar Majlis Ilmu, anjuran Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Kanafi, Imam, Muhlisin & Susminingsih. (2015). "Konsep dan Implementasi Ajaran ASWAJA di Brunei Darussalam". *Laporan Hasil Penelitian Tidak Diterbitkan*. Pekalongan, Jawa Tengah, Indonesia: P3M [Pusat Penelitian dan Pengabdian Masyarakat] STAIN [Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri]. Wujud secara online pula di: <http://repository.iainpekalongan.ac.id/366/1/KONSEP> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3hb Julai 2022].
- Macnamara, Jim. (2005). "Media Content Analysis: Its Uses, Benefits, and Best Practice Methodology" in *Asia Pacific Public Relations Journal*, Volume 6(1), pp.1-34.
- McQuail, D. (2010). *McQuail's Mass Communication Theory*. London: Sage.
- Mubarok & Made Dwi Andjani. (2014). *Komunikasi Antarpribadi dalam Masyarakat Majemuk*. Jakarta Timur, Indonesia: Penerbit Dapur Buku. Wujud secara online pula di: [http://research.unissula.ac.id/file/publikasi/211108002/6934Komunikasi_\(1\)_1.pdf](http://research.unissula.ac.id/file/publikasi/211108002/6934Komunikasi_(1)_1.pdf) [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3hb Julai 2022].
- "Mukadimah Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera". *Kertas Kerja* dalam Seminar Zikir Menjana Negara Sejahtera, anjuran Pusat Da'wah Islamiah Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 3-4 Mac 2008.
- Nashrillah, M.G. (2016). "Perbandingan Teori Komunikasi Islam dan Barat" dalam *Jurnal Warta*, Edisi 48 [April], ms.1-16. Wujud secara online pula di: <https://media.neliti.com/media/publications/290610-perbandingan-teori-komunikasi-islam-dan-53fd7439.pdf> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 3hb Julai 2022].
- NBD [Negara Brunei Darussalam]. (1962). *Akta Penapisan Filem dan Hiburan Awam (Pindaan 2002): (Penggagal 69)*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- NBD [Negara Brunei Darussalam]. (1982). *Akta Terbitan-terbitan Yang Tidak Diingini (Pindaan 2010): (Penggagal 25)*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- NBD [Negara Brunei Darussalam]. (1997a). *Akta Hiburan Awam (Pindaan 2000): (Penggagal 181)*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- NBD [Negara Brunei Darussalam]. (1997b). *Akta Penyiaran (Pindaan 2000): Penggagal 180*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- PDI [Pusat Da'wah Islamiah] Brunei. (2008). *Zikir Menjana Negara Sejahtera*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah Brunei.
- PDI [Pusat Da'wah Islamiah] Brunei. (2009). *Kedewasaan Bernegara dengan Zikir*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.
- "Titah KDYMM [Kebawah Duli Yang Maha Mulia] Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan NBD [Negara Brunei Darussalam] pada Hari Raya Aidil

- Adha Tahun 1428 H/2007 M", sepertimana dipetik dari buku *Negara Zikir: Azam, Keperluan, dan Pelaksanaan*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan, ms.149-150.
- "Titah KDYMM [Kebawah Duli Yang Maha Mulia] Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan NBD [Negara Brunei Darussalam] dalam Majlis Ilmu, 23 Rejab 1429 H/26 Julai 2008 M", sepertimana dipetik dari buku *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan, ms.76-78.
- Wok, Saodah, Narimah Ismail & Mohd Yusof Hussain. (2005). *Teori-teori Komunikasi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Zed, Mestika. (2008). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].

